

22/09/2003

Bowling terjejas apabila pegawai MSN tak jawab telefon

Raja Ahmad Zainuddin

SLOGAN Malaysia Boleh ternyata terus menjadi pembakar semangat apabila kita mengungguli kejuaraan Bowling Dunia dalam acara berpasukan wanita di kejohanan yang berlangsung di Pyramid Megalanes, Bandar Sunway, Khamis lalu.

Secara kebetulan pada hari yang sama, semasa membahaskan Bajet 2004 dalam persidangan Parlimen, saya juga mencadangkan kepada mana-mana pemaju yang bermurah hati turut mengadakan kemudahan tempat bermain bowling di kawasan perumahan atau tempat strategik bagi memberi peluang kepada lebih ramai lagi yang berminat di dalam sukan itu.

Kejayaan wanita bowling negara bermakna kemarau 24 tahun tanpa pingat emas kini berakhir selepas kita muncul juara. Bahkan gandingan Shalin Zulkifli, Wendy Chai, Choy Poh Lai, Sarah Yap dan Sharon Chai itu bukan sahaja menamatkan pencarian 24 tahun, tetapi jumlah 6,208 pin itu turut mencatat rekod baru kejohanan dengan memadam catatan 6,183 pin yang dilakukan wanita Korea Selatan di Abu Dhabi empat tahun lalu.

Pingat emas itu juga adalah yang pertama dimenangi pemain bowling wanita negara selepas pasukan lelaki melakukannya pada 1979.

Tahniah dan syabas kepada Shalin dan rakan-rakan yang lain kerana mengotakan janji mereka sebagai hadiah persaraan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagaimana ikrar mereka sebelum kejohanan.

Yang membanggakan ialah semangat juang tinggi pasukan negara, walaupun menamatkan tiga permainan blok pertama dengan berada di kedudukan keempat sebelum itu, mereka bangkit pada tiga perlawanan terakhir.

Ratu bowling negara, Shalin sekali lagi memperlihatkan kehebatannya apabila muncul sebagai pemain terbaik negara apabila mengumpul 1,394 pin dengan melakukan 258, 203, 246, 209, 266 dan 212 walaupun pada suatu peringkat permainannya tidaklah begitu memberangsangkan.

Kerajaan sesungguhnya berbangga di atas kejayaan demi kejayaan yang dicapai atlit dalam mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa, seperti mana kata Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat yang turut memberikan perhatian berat dalam memajukan sukan negara.

Dalam ucapan yang penuh bersejarah yang dibuat selamat tiga jam lebih itu juga, Datuk Seri Dr Mahathir mengulas prestasi sukan negara termasuk kejayaan perenang maraton Datuk Abdul Malek Mydin yang merupakan warga pertama Asia Tenggara merenangi Selat Inggeris.

Dengan ketahanan fizikal dan kekuatan mental serta kecekalan semangat, ombak besar setinggi tiga meter dapat diharungi, air laut sesejuk air batu berjaya ditahani perenang dari Pulau Pinang itu.

Menurut beliau, pemain badminton kita, Muhammad Hafiz Hashim juga berjaya menjadi juara Seluruh England dan Wong Choong Hann naib juara Kejohanan Dunia.

Perdana Menteri berharap kejayaan tersebut dapat dijadikan sebagai perangsang bagi kita merebut kembali kecemerlangan dalam bidang sukan. Pencapaian mereka ini bukan sahaja menambahkan lagi rekod kejayaan wira negara, bahkan membuktikan bahawa dengan disiplin, dedikasi dan semangat waja, rakyat Malaysia boleh mencapai kejayaan dalam apa juga bidang sekalipun.

Kejayaan ini juga semestinya menyemarakkan semangat dan mengukuhkan lagi keazaman untuk terus mencipta kejayaan, sambil kerajaan amat berterima kasih kepada semua pihak, termasuk kerajaan negeri, sektor korporat dan pertubuhan bukan kerajaan yang memberi pelbagai hadiah kepada juara sukan negara.

Begitu pun, beliau berharap mereka tidak terlalu terpengaruh dengan habuan tersebut, tetapi terus berusaha untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka. Saya sendiri mencadangkan agar kerajaan mengadakan satu program

berupa skim atau tabung khas sama ada ia berbentuk pemberian amanah saham bagi mana-mana atlit yang cemerlang setelah bersara sebagai menghargai jasa mereka.

Walau apa pun, menurut Perdana Menteri bagi menghargai mereka yang mengharumkan negara dan membolehkan rakyat Malaysia "to walk tall", kerajaan akan menyediakan biasiswa untuk mereka melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negeri membolehkan mereka menjadi jurulatih atau pengurus dalam bidang yang mereka minati.

Selanjutnya beliau berkata pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Minda cergas di badan yang sihat. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM657.9 juta disediakan kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi tahun depan.

Katanya, kita sedang membuat persiapan rapi untuk melatih peserta negara yang akan menyertai Sukan Olimpik ke-28 di Athens, Greece. Pada waktu yang sama negara, juga akan sekali lagi menjadi tuan rumah bagi sukan lasak untuk tahun ketiga.

Bagi meningkatkan lagi kegiatan riadah di kalangan orang ramai, terutamanya belia, kita amat mengalu-alukan langkah kerajaan yang akan memulakan satu program untuk menyediakan kemudahan riadah sebagai satu keperluan wajib dalam semua projek pembangunan perumahan baru.

Di samping itu, semua pihak berkuasa tempatan dikehendaki menyediakan kemudahan seperti taman-taman, padang permainan dan kawasan rekreasi bagi aktiviti seperti berjoging. Dalam hubungan ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM50 juta.

Belia yang merupakan generasi pewaris yang akan menyambung perjuangan membangunkan negara, perlu dilengkapkan dengan semangat jati diri yang unggul.

Dalam konteks ini, kerajaan akan memulakan program khidmat negara yang akan membabitkan 100,000 belia. Kandungan program ini dirangka bagi meliputi latihan asas, ketenteraan, pendidikan sivik, pembentukan sahsiah dan perkhidmatan sosial dengan tujuan memupuk semangat kerjasama, perpaduan, integrasi nasional dan tingkah laku sihat. Sebanyak RM300 juta disediakan.

Boleh dikatakan semua pihak menyambut baik bajet penyayang yang diketengahkan Datuk Seri Dr Mahathir bagi menjanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara, kecuali bagi mereka yang hanya memandang sebelah mata.

Memandangkan sukan bowling kini semakin menjadi daya tarikan semua golongan masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar, ditambah dengan kejayaan pasukan wanita bowling negara, adalah diharapkan juga, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein melihat perkara ini dengan lebih serius dalam mana-mana projek sukan yang besar yang akan dilaksanakan di masa depan terutama di kawasan luar bandar.

Sementara itu, saya cuba mendapatkan pengesahan sama ada kemudahan bowling turut disediakan di bawah projek kompleks sukan yang sedang dilaksanakan di Kamunting dekat bandar Taiping yang menelan belanja berjuta ringgit, tetapi sungguh mendukacitakan apabila panggilan saya langsung tidak dijawab termasuk telefon bimbit pegawai Majlis Sukan Negeri (MSN).

Begitupun, dari maklumat yang saya peroleh dari kalangan penggiat sukan tempatan memang kemudahan tersebut tidak termasuk dalam projek tersebut. Jika benar pihak yang bertanggungjawab perlulah melakukan sesuatu agar usaha negara mencari lebih ramai bakat baru di peringkat akar umbi bagi diketengahkan tidak akan terhalang.

Apa yang kita mahu ialah projek pembangunan sukan seperti mana yang dicita-citakan Perdana Menteri dalam membina atlit untuk mengangkat martabat negara di persada antarabangsa akan terus menepati sasaran.

Justeru janganlah ada mana-mana pihak yang hanya bagaikan melepas batuk di tangga dalam merealisasikan wawasan sukan negara.